

# Tiga warga asing dipenjara enam bulan, tiga sebatan kerana masuk secara haram

**MIRI:** Tiga lelaki warga asing dijatuhi hukuman penjara enam bulan dan tiga sebatan oleh Mahkamah Sesyen kerana kesalahan masuk ke negara ini secara haram.

Mahkamah turut memerintahkan mereka dirujuk ke Jabatan Imigresen untuk tujuan pengusiran setelah selesai menjalani hukuman penjara kelak.

Jaya Kurniawan, 52, Syamsul Ariffin, 55 dan Hendra, 38, ketiga-tiganya dari Indonesia masing-masing telah didakwa mengikut Seksyen 6(1) Akta Imigresen 1959/63 dan dihukum di bawah Seksyen 6(3) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya sekali serta boleh disebat sehingga enam kali.

Menurut keterangan kes, ketiga-tiga tertuduh telah ditahan pada jam 10.15 pagi, 19 Jun lalu di sebuah lot di Desa Senadin di sini untuk tujuan pemeriksaan kerana

diperdayai warga asing.

Hasil pemeriksaan mendapat ketiga-tiga tertuduh yang merupakan warganegara Indonesia telah gagal mengebakakan sebarang dokumen perjalanan sah yang membentarkan mereka memasuki dan tinggal di negara ini.

Berikutan itu, mereka telah ditangkap dan dibawa ke Balai Polis Pusat Miri untuk tindakan lanjut.

Setelah meneliti kesemua aspek, mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara enam bulan ke atas ketiga-tiga tertuduh.

Mahkamah turut mengenakan hukuman tiga kali sebatan ke atas Hendra manakala Jaya dan Syamsul dikecualikan dari hukuman itu berikutan usia mereka melebihi 50 tahun.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya David Bakit Nuing di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman manakala ketiga-tiga tertuduh tidak diwakili peguam bela.